



Ekspresi **PDP**

EDISI 2016

"Jika ada pengguna data atau individu yang melanggar peraturan, mereka boleh dikenakan hukuman mengikut peruntukan di bawah Akta 709"

Mazmalek Mohamad
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia



"Sebagai pengguna data, segala data peribadi yang diberikan pelanggan perlu dilindungi. Kita tidak boleh sekali-kali mendedahkan data peribadi sensitif pelanggan yang berurusan dengan firma kita diberikan atau didedahkan kepada orang lain."

Zakiah Abdul Rahman
Pengurus firma guaman



"Petugas di barisan hadapan iaitu kaunter yang mengendalikan urusan dengan pelanggan, mereka perlu menggunakan dokumen peribadi seperti kad pengenalan dengan sebaiknya dan berintegriti. Petugas tidak boleh memberikan salinan kad pengenalan sebagai contoh kepada pihak lain kerana bimbang ia akan digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab."

Zabri Mansor
Penolong Eksakutif Kewangan Tabung Haji

"APDP mesti dipatuhi dan tidak sekali-kali menyalahguna maklumat pelanggan. Ini kerana tindakan begitu amat tidak profesional dan mencemari nama baik sebagai seorang pengguna data dan memalukan nama baik syarikat anda."

Darren Khor
Eksekutif Syarikat Insurans



"Pengajaran penting yang dapat difahami ialah data peribadi atau data sensitif seseorang tidak boleh disebar sesuka hati. Walaupun hanya sekadar maklumat seperti nama penuh, nombor kad pengenalan dan nombor telefon, itu saja sudah dikira melanggar peraturan di bawah APDP."

Eric Ong
Penyelaras Jualan PJD



"Akta ini akan memastikan data peribadi kita akan lebih selamat dan tidak akan disebar ke tempat lain tanpa kebenaran. Ini akan melindungi saya sebagai subjek data. Sebagai Pengguna Data pula, memang kita memahami apa yang dibolehkan atau tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk melindungi data peribadi pelanggan. Pelanggan akan lebih yakin dengan kita!"

Roslin Ali
Pengurus CIMB, Jalan Sultan Ismail Kuala Terengganu

"Pertamanya saya merasakan Akta ini hanya berkaitan dengan consent sahaja. Adalah bagus pihak Pesuruhjaya menguatkuasakan Akta ini kerana ianya bagus untuk perniagaan kerana kita tahu banyak Negara telah menguatkuasakan akta ini. Sebagai Subjek Data, saya kini tahu hak-hak saya sebelum saya memberi kebenaran kepada sesiapa untuk menggunakan data peribadi. Akta ini bagus!"

Tomothy Wong
Senior Executive, Sales & Marketing, Niche Development





Data Peribadi

ADALAH KOMODITI YANG PERLU DILINDUNGI

Masyarakat biasanya akan bertanya apakah sebenarnya data peribadi?

Mengapa data peribadi perlu dilindungi?

Mungkin masih ramai yang tidak menyedari kewujudan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan akta berkenaan.

Akta 709 bertujuan mengawal selia pemprosesan data peribadi yang berkaitan transaksi komersial.

Pemprosesan data peribadi hendaklah tidak melanggar 7 prinsip perlindungan data.



Akta 709 bukan sahaja akan mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial sama ada secara kontrak ataupun tidak, malah, terpakai bagi mana-mana orang yang memproses, menyimpan, mengawalselia atau membenarkan sesuatu pemprosesan sesuatu data peribadi.



Pengguna data bermakna seseorang yang sama ada berseorangan atau bersama dengan orang lain dalam memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemrosesan apa-apa data peribadi tetapi tidak termasuk seorang yang memproses data.

Untuk itu, adakah pengguna data bertanggungjawab terhadap aktiviti pemroses data. Sebagai contoh, jika **organisasi A** mendapatkan khidmat **organisasi B** bagi memproses data bagi pihaknya, maka dalam hubungan itu, **organisasi A** adalah pengguna data manakala **organisasi B** adalah pemroses data.



Akta 709 mewajibkan **ORGANISASI A** memastikan bahawa **ORGANISASI B** memberikan jaminan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan bagi melindungi data yang diproses.

ORGANISASI A juga dikehendaki memastikan bahawa **ORGANISASI B** mematuhi langkah-langkah tersebut.

Jika diperhalusi secara mendalam mengenai Akta 709, ternyata pengguna data mempunyai tanggungjawab berat dan besar bagi memastikan dan menjamin segala data peribadi pelanggan yang diproses selamat dan dilindungi. Oleh itu, adalah penting bagi pengguna data mematuhi prinsip dalam Akta 709. Rakyat Malaysia khususnya perlu menyedari hak-hak mereka mengikut prinsip-prinsip yang terdapat di dalam akta ini.

Secara umumnya, pengguna data menyedari akan kewujudan Akta 709 dan akur terhadap keperluan untuk mematuhi Akta. Semua pengguna data perlu memahami sedalam-dalamnya peraturan, yang terkandung di dalam Akta 709 dan sekiranya ada pengguna data yang melanggar peraturan, tentu sekali denda yang dikenakan amat berat.



Orang ramai boleh mengemukakan sebarang aduan berkaitan Akta 709 kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi sekiranya merasakan pengguna data tersebut atau seseorang sudah melanggar salah satu daripada **Tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi**.



PERATURAN KOMPAUN 2016



WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

14 Mac 2016 / P. U (A) 60

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (**Pengkompanaan Kesalahan**) 2016



PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) dan perenggan 143(2)(d) **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]**, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1 Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pengkompanaan Kesalahan) 2016**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada **15 Mac 2016**.

2 Kesalahan yang boleh dikompau

- (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam **Jadual Pertama** ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompau.
- (2) Kesalahan yang boleh dikompau itu boleh dikompau dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis dalam **Borang 1 Jadual Kedua**.

3 Tawaran dan penyetujuteraan kompaun

- (1) Suatu tawaran untuk mengkompau suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam **Borang 2 Jadual Kedua**.
- (2) Seseorang yang menyetujui terima suatu tawaran untuk mengkompau suatu kesalahan yang boleh dikompau hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam **Borang 3 Jadual Kedua**.

4 Pembayaran kompaun

- (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompau kesalahan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia boleh membayar kompaun itu:-
 - (a) Secara kiriman wang pos, draf bank atau pesanan bank yang kena dibayar kepada **Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia** dan dipalang dengan perkataan "**Akaun Penerima Sahaja**"; atau
 - (b) Melalui pemindahan wang secara elektronik.
- (2) Jika bayaran dibuat di bawah perenggan 4(1)(a), ia boleh diserahkan secara sendiri atau dihantar melalui surat berdaftar yang dialamatkan kepada **Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia**.
- (3) **Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia** hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompau itu
- (4) Bagi maksud subperaturan (3), "resit rasmi" termasuklah apa-apa resit elektronik yang dikeluarkan oleh **Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia** jika bayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik.



KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010** seperti yang berikut:

- (i) subseksyen 5(2);
- (ii) subseksyen 16(4);
- (iii) subseksyen 18(4);
- (iv) subseksyen 19(2);
- (v) subseksyen 37(4);
- (vi) subseksyen 38(4);
- (vii) subseksyen 40(3);
- (viii) subseksyen 43(4); dan
- (ix) subseksyen 108(8);



kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013 [P.U. (A) 335/2013]** seperti yang

- (i) subperaturan 3(1);
- (ii) peraturan 6;
- (iii) peraturan 7; dan
- (iv) peraturan 8; dan

kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013 [P.U. (A) 337/2013]** seperti yang berikut:

- (i) subperaturan 5(2);
- (ii) subperaturan 6(5); dan
- (iii) subperaturan 8(3).

*Layari www.pdp.gov.my untuk maklumat lanjut



Terbaru@709

Garis Panduan Kepada PENGGUNA DATA

Menyedari kekangan yang dihadapi oleh pengguna data yang tidak perlu berdaftar tetapi perlu patuh akan APDP, **Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi** telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan Garis Panduan Kepada Pengguna Data dengan objektif utama untuk:



Membantu pengguna data yang tidak perlu berdaftar di bawah 11 golongan dalam pematuhan keperluan **Akta 709**. Bagi 11 golongan yang berdaftar mereka akan dibantu pematuhan oleh **Kod Tata Amalan (KTA)**, namun demikian bagi sektor-sektor yang belum dilantik **Peneraju Forum** dan belum mempunyai **Kod Tata Amalan** maka pengguna data ketika ini diminta untuk berpandu kepada garis panduan yang bakal diterbitkan kelak.

***Rundingan awam berkaitan garis panduan ini telah diadakan pada 1 hingga 21 Mac untuk maklumbalas daripada pengguna data khususnya dan awam amnya.**

Is personal data safe with your organisations?



Electronic personal data protection for organisations



The **Personal Data Protection Act 2010** was hence established to ensure that organisations take care of personal data under their possession or in their control. Breaching the PDPA could damage the reputation of your business, especially if the breach is publicised, causes financial loss or harm to affected individuals.

How can electronic data be compromised?

There are several ways that electronic personal data can be compromised.

1. System/ Device error

- Fault or weakness in a system's or device's program code causing it to reveal personal data to incorrect parties.



2. Human error

- Loss of electronic devices or portable storage devices containing personal data.
- Not disposing of electronic data properly
- Emailing personal data to the wrong recipient



3. Malicious activities

- Hacking or other unauthorised access of databases
- Physical attacks (e.g use of skimming devices on Automated Teller Machines)
- Phishing/ scams and the circulation malware email attachments



Here are some other ways to secure your organization's devices:

Personal computers:

- Install software such as anti-virus, anti-spyware and personal firewall. Keep these software updated and perform scan regularly.



Portable Devices (Tablets/ laptops/ thumb drives/ hard disk)

- Use strong passwords or encryption to protect the data.
- Secure such devices and storage media when not in use by keeping them under lock and key, hand-carrying them and not leaving them unattended.



Printers, copiers, fax machines

- Ensure that any machine to be destroyed, removed or sold does not contain any personal data.
- Destroy any uncollected printouts and faxes that contain personal data as soon as possible.



TIPS

A strong password has a minimum of eight characters with at least one alphabetical character, numeric, special character and mix of capital and small letters.



Keeping safe online

Most of us use the internet daily in our professional and personal lives to find information, email others and participate in social networking. We also love buying and selling online, and enjoy the convenience of online banking.

But there are risks and challenges in taking part in the online world. It's important to be aware of the risks and take steps to protect yourself and your family. The following protection tips aim to raise awareness about some of the risks and offer some practical tips to keep you and your family safe.



Protect your computer

It's important to secure your computer from online attacks with up to date security software, browsing software and a secure internet connection.

Protect yourself online

Taking part in the online world often involves sharing your personal information in exchange for services. It's important you are cautious about what information you give out about yourself.



Protect your children

Children can be exposed to unsuitable content online or be the focus of bullying or contact by strangers with harmful intent.

YOUR PERSONAL INFORMATION IS VALUABLE

What's your name?
Where do you live?
Are you married?

Who has my information?
Should I check the terms and conditions?
Can I see what information a business has about me?



1 SISTEM 1 HENTIAN

Selamat Datang

Sistem Perlindungan Data Peribadi
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia



Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) telah dibangunkan oleh Unit Teknologi Maklumat JPDP bertujuan memberi kemudahan kepada semua pelanggan. Sistem ini dapat digunakan bagi:



JabatanPerlindunganDataPeribadiMalaysia



youtube.com/user/jpdpKKMM



www.pdp.gov.my